

# EKSPLORASI ADAPTASI ANTARABUDAYA PELAJAR MELAYU DI AUSTRALIA DAN UNITED KINGDOM

ABDUL LATIFF AHMAD, MOHD NAZRI MOHD NOH,  
EMMA MIRZA WATI MOHAMAD, RUSYDA HELMA MOHD, ALI SALMAN  
UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

LATIFFAH PAWANTEH  
INTERNATIONAL UNIVERSITY OF MALAYA-WALES

## **Abstrak**

Kajian ini dijalankan bertujuan untuk menganalisis proses adaptasi antarabudaya pelajar Melayu di Australia dan United Kingdom sewaktu melanjutkan pengajian mereka ke peringkat Ijazah Sarjana (*Master*) dan Ijazah Kedoktoran (Phd). Fokus kajian ini tertumpu kepada perbezaan budaya dan cara hidup pelajar di luar negara. Model Lekuk-U (Lysgaard, 1955) telah digunakan sebagai asas kepada penyelidikan) yang bermula dari peringkat bulan madu (*honeymoon stage*), peringkat kejutan budaya (*culture shock stage*), peringkat pelarasan (*adjustment stage*) dan akhir sekali peringkat penguasaan (*mastery stage*). Empat kumpulan fokus telah dijalankan membabitkan pelajar-pelajar sarjana Melayu yang telah belajar di Australia dan United Kingdom. Hasil analisis dapatan kajian mendapati bahawa peringkat berbulan madu (*honeymoon stage*) tidak dilalui oleh pelajar ini kerana peringkat awal di negara baru lebih tertumpu untuk menyesuaikan diri dan mempelajari bagaimana untuk beradaptasi. Mereka kurang mempunyai masa untuk bersuka-ria. Walaupun terdapat cabaran sebagai seorang Muslim di luar negara, pelajar mampu menjalani hidup dengan baik kerana negara luar telah mula mendapat pendedahan tentang cara hidup orang Islam.

**Kata kunci:** *Adaptasi, Antarabudaya, pelajar melayu, Australia, United Kingdom*

## THE EXPLORATION OF THE INTERCULTURAL ADAPTATION OF MALAY STUDENTS IN AUSTRALIA AND UNITED KINGDOM

### **Abstract**

The aim of this study is to study the cultural adaptation process underwent by Malay students who pursued their post-graduate studies, either Masters degree or PhD in Australia and United Kingdom. The focus of this research is on the difference in culture and lifestyles as students overseas. The U-Curve model (Lysgaard, 1955) was used as the basis of this study . The model focuses on the early adaptation (honeymoon stage), culture shock stage, adjustment stage and lastly, mastery. Four focus groups were conducted on postgraduate Malay students studying in Australia and United Kingdom. The main findings stated that the students do not necessarily go through the honeymoon stage as during the early adaptation process they were more focused on trying to adapt and learning how to adapt. They did not get to enjoy as much in the beginning. Although there were challenges faced as Muslims overseas, the students were able to practice their Muslim faith well as people from the host countries are now more exposed to the teachings of Islam.

**Keywords:** *Adaptation, intercultural, Malay students, Australia, United Kingdom*

### **PENGENALAN**

Adaptasi antarabudaya merupakan satu proses penyesuaian diri seseorang yang mana akhirnya dapat menimbulkan perasaan selesa dengan keadaan di persekitaran yang baru (Kim, 2001). Proses adaptasi di sesuatu tempat yang baru selalunya akan mengambil masa yang agak lama dan bergantung kepada bagaimana kepantasan seseorang individu mengadaptasi. Individu ini akan cuba untuk menyesuaikan diri dalam persekitaran sosial yang baru yang mana perbezaan ini boleh menyebabkan beberapa masalah. Cabaran dan permasalahan yang timbul terutamanya membawa imej dan kehidupan Islam merupakan pengalaman baru yang diperolehi golongan ini mungkin berbeza dengan keadaan di Malaysia. Aspek komunikasi antarabudaya itu sendiri memberi peluang untuk mereka menentukan pembawakan diri yang sememangnya telah diterapkan

dengan budaya Timur.

Gabel, Dolen dan Cerdin (2005) menakrifkan adaptasi antarabudaya sebagai perubahan yang dialami oleh individu untuk membentuk hubungan dengan masyarakat tuan rumah di sesebuah negara. Menurut Constantine, Okazaki dan Utsey (2004) pula, adaptasi antarabudaya melibatkan proses memahami dan menggabungkan tingkah laku, nilai dan kepercayaan budaya tuan rumah dalam perspektif budaya asal sendiri. Manakala menurut Kagan dan Cohen (1990), adaptasi antarabudaya adalah satu proses yang melibatkan beberapa faktor yang saling berkaitan dengan tingkah laku, kognitif, afektif dan aspek demografi serta keputusan dalam pelbagai peringkat pelarasan daripada asimilasi budaya kepada transmudasi budaya.

Apabila melanjutkan pelajaran di negara asing, pelajar antarabangsa perlu menghadapi kesesuaian dengan beberapa masalah berkaitan persekitaran sosial dan akademik yang baru. Antara kemungkinan masalah ini termasuk kesukaran dalam komunikasi, penginapan dan kebimbangan keselamatan kawasan perumahan, adaptasi kepada citarasa makanan yang berbeza, perubahan cuaca dan kesukaran dalam membuat perhubungan sosial (Blake, 2006). Prestasi akademik pelajar mungkin boleh terjejas disebabkan ketidakupayaan untuk menangani masalah-masalah ini. Terdapat beberapa kesan negatif sekiranya adaptasi antarabudaya tidak dapat diterapkan dalam diri pelajar. Contohnya, kajian yang dijalankan terhadap pelajar antarabangsa di Pakistan.

Sakurai et al. (2010) menyatakan rasa kekeliruan dan kadang-kadang pengasingan dirasakan begitu mencabar. Justeru itu, pelajar antarabangsa mengenal pasti sekiranya mereka mempunyai seseorang atau satu sistem sokongan yang boleh menyokong mereka dalam masa kesusahan atau kesukaran ianya dikira sebagai sesuatu yang sangat penting (Gresham, 2003).

Bagi kebanyakan pelajar antarabangsa yang datang dari negara-negara Islam, mereka seringkali berhadapan dengan masalah terutamanya yang berkaitan dengan agama, budaya dan sikap prejudis daripada sesetengah pihak yang mana tidak berlaku di negara asal mereka (Horwedel, 2006). Menurut kajian yang dijalankan oleh McDermott (2011) terhadap adaptasi kehidupan pelajar perempuan Muslim dari negara Arab yang melanjutkan pengajian dalam bidang kejurawatan di Amerika Syarikat, terdapat beberapa hasil dapatan telah dikenalpasti menerusi kajian ini. Antaranya ialah sebahagian informan yang ditemubual menyatakan wujudnya sentiment anti-Muslim yang mana masyarakat tempatan di sana memandang mereka dengan pelik dan menjauhkan diri disebabkan mereka memakai hijab dan ada juga yang diugut bunuh.

Berdasarkan statistik dari buku Perangkaan Kementerian Pendidikan Malaysia (Sektor Pengajian Tinggi) Tahun 2013 yang dikeluarkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), kadar pelajar Malaysia ke luar negara semakin meningkat.

Pelbagai kemudahan sumber kewangan dan pinjaman yang diberikan oleh pelbagai organisasi telah membantu membiayai yuran pengajian dan elau di

luar negara. Antara organisasi yang membiayai menghantar pelajar ke luar negara adalah seperti Majlis Amanah Rakyat (MARA), Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA), Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN), syarikat-syarikat korporat, kerajaan negeri dan sebagainya. Selain dari itu terdapat juga pelajar yang dibiayai oleh ibubapa sendiri untuk belajar di sana.

**Jadual 1.0 : Bilangan Pelajar Malaysia di 10 Negara Teratas (2011 – 2012)**

Bil.	Negara	Pelajar Malaysia di Luar Negara		Pembiayaan	
		2011	2012	Tajaan 2012	Persendirian
1.	Australia	23,245	16,152	3,441	12,711
2.	United Kingdom & Ireland	13,982	14,735	5,533	9,202
3.	Egypt	10,758	10,758	6,130	4,628
4.	Taiwan	7,556	7,304	1	7,303
5.	United States of America	6,600	6,600	1,819	4,781
6.	Indonesia	5,914	5,914	2,214	3,700
7.	Singapura	4,010	3,016	16	3,000
8.	India	2,604	3,400	Tidak diketahui	
9.	Russia	2,946	3,350	821	2,529
10.	Jordan	1,438	3,042	778	2,264

Sumber : Perangkaan Kementerian Pendidikan Malaysia (Sektor Pengajian Tinggi) Tahun 2013


Jadual 1.0 menunjukkan negara Australia dan United Kingdom & Ireland adalah dua destinasi pembelajaran utama pelajar Malaysia di luar negara. Jumlah ini adalah terdiri daripada pelajar yang mendapat tajaan pengajian dan juga yang menggunakan pembiayaan sendiri. Pada tahun 2011, sebanyak 23,245 orang pelajar telah melanjutkan pelajaran ke Australia dan pada tahun 2012 pula jumlahnya adalah sebanyak 16,152 orang pelajar. Bilangan pelajar yang melanjutkan pelajaran ke United Kingdom & Ireland adalah sebanyak 13,982 orang pelajar pada tahun 2011. Jumlah ini dilihat meningkat pada tahun 2012 di mana sebanyak 14,735 orang pelajar telah mendapat tempat di sana.

Kajian ini memberi penumpuan kepada pengalaman pelajar Melayu Malaysia yang melanjutkan pengajian di Australia dan United Kingdom. Objektif kajian ini adalah untuk menganalisis proses adaptasi yang dilalui oleh pelajar di luar negara dan meneroka cabaran yang harus dilalui oleh mereka.

## MODEL LEKUK-U

Lysgaard (1955) menjelaskan adaptasi antarabudaya adalah satu proses percubaan beberapa kali individu menyesuaikan diri dengan keadaan baru yang membentuk Model Lekuk-U. Kajian ini telah dijalankan oleh terhadap penghijrah yang berpindah ke tempat baru.

Terdapat empat peringkat yang berlaku pada pola adaptasi Model Lekuk-U ini. Permulaan lekuk ini berlaku di mana individu tersebut berada di peringkat bulan madu (*honeymoon stage*) yang mana berlaku semasa minggu pertama selepas tiba di negara tuan rumah. Seseorang individu akan terpesona dengan budaya baru dan persekitaran yang berbeza. Setelah berada beberapa ketika dan menghadapi keadaan sebenar pada setiap hari, individu tersebut akan mengalami peringkat krisis atau penolakan (*culture shock*). Peringkat ini digambarkan dengan adanya rasa kecewa dan kejutan dengan persekitaran baru tersebut. Kejutan budaya yang dialami terdiri daripada perasaan-perasaan negatif seperti tertekan, mempunyai motivasi diri yang rendah, bosan dan sebagainya. Bagi mengatasi perasaan tersebut, maka berlakulah peringkat pelarasan (*adjustment*). Pada peringkat ketiga ini, individu tersebut secara beransur-ansur menyesuaikan diri dengan norma-norma dan nilai-nilai baru negara tuan rumah dan bertindak lebih sesuai daripada sebelum ini. Seterusnya pada peringkat akhir pola adaptasi, individu itu akan dapat menguasai (*mastery*) dan mengadaptasi budaya baru dengan berkesan. Rajah 1.0 menerangkan proses yang dilalui melalui model Lekuk-U.



**Rajah 1.0: Pola Adaptasi Model Lekuk-U (Lysgaard, 1955)**

Justeru itu, kajian ini dilakukan bertujuan untuk melihat transisi pelajar

Melayu mengadaptasi diri mereka dengan persekitaran yang baru sebaik sahaja menjejaskan kaki ke negara luar. Bagi melatari kajian ini, saya akan menggunakan Model Lekuk-U yang diasaskan oleh Lysgaard (1955) sebagai kerangka kajian ini.

## **METODOLOGI**

Kajian ini hanya tertumpu kepada pelajar Melayu di peringkat Ijazah Sarjana (*Master*) dan Ijazah Kedoktoran (Phd) yang telah tamat pengajian dari negara Australia dan United Kingdom. Kedua-dua negara ini dipilih adalah berdasarkan kemasukan pelajar Malaysia yang amat tinggi dan menggalakkan ke sana. Kajian ini menganalisis proses adaptasi antarabudaya yang dialami oleh pelajar Melayu sewaktu melanjutkan pengajian di luar negara.

Semua ahli temubual kumpulan fokus adalah terbahagi kepada 4 kumpulan yang mana setiap kumpulan terdiri daripada 4 hingga 5 orang informan. Jumlah keseluruhan informan adalah seramai 18 orang.

**Jadual 2.0: Senarai Informan Mengikut Kumpulan**

Bil.	Kump.	Nama	Jantina		Peringkat Pengajian		Negara	
			Lelaki	Perempuan	Master	Phd	Australia	United Kindom
1.		A1		√	√		√	
2.		A2		√	√		√	
3.	K1	A3		√	√		√	
4.		A4	√		√		√	
5.		B1	√		√		√	
6.		B2		√		√	√	
7.	K2	B3		√		√	√	
8.		B4		√		√	√	

9.		C1	√		√	√		
10.		C2	√		√		√	
11.	K3	C3		√	√		√	
12.		C4		√	√		√	
13.		C5		√		√	√	
14.		D1		√		√	√	
15.		D2		√		√	√	
16.	K4	D3		√		√	√	
17.		D4		√		√	√	
18.		D5		√		√	√	
			4	14	8	10	9	9
		<b>Jumlah</b>						
			18		18		18	

## PERINGKAT PERSEDIAAN

Sebelum berangkat ke luar negara pelajar-pelajar telah melakukan pelbagai persiapan untuk melancarkan proses adaptasi. Kebanyakan informan menyatakan antara persediaan tersebut ialah dari segi kewangan, makanan dan pakaian. Kebanyakan responden adalah pelajar tajaan JPA dan Kementerian Pengajian Tinggi. Mereka telahpun menggunakan elauan pakaian panas yang telah diperuntukan untuk persediaan asas.

Terdapat juga informan yang bersiap sedia membawa bekalan makanan halal sebagai persiapan kerana mereka belum tahu tentang makanan dan tempat makan yang sesuai dari segi selera dan juga status halal. Sebagai orang Melayu, citarasa terhadap makanan tempatan yang kaya dengan rempah ratus sememangnya tidak dapat ditinggalkan. Berdasarkan hasil temubual kumpulan fokus, ramai informan membawa belacan, ikan bilis, mi *Maggi*, perencah segera, kicap dan sebagainya. Beberapa peralatan memasak seperti *rice cooker*, pinggan mangkuk dan senduk juga menjadi antara barang keutamaan yang dibawa bersama oleh beberapa informan.

*B3 (K2) : “...macam dari segi duit memanglah nak kena bersedia... lepas tu dari segi perkakas rumah macam rice cooker, pinggan mangkuk dan baju untuk winter kena ada jugalah...”*

C3 (K3) : “...sebab masa pergi tu bulan 12 kan sebelum Krismas...winter...so prepare pakaian tebal semua and the bawak makanan macam perencah segera lah kan sebab susah nak dapatkan makanan Halal...and the Meggi tu memang wajib...”

## **PERINGKAT AWAL (KETIBAAN)**

Hampir sebahagian besar informan mempunyai pengalaman berbeza yang tidak dapat dilupakan setelah tiba di luar negara. Antara pengalaman tersebut ialah dari segi sambutan yang diterima setelah tiba di luar negara. Beberapa informan yang mempunyai rakan dan kenalan di luar negara tidak menghadapi banyak masalah disebabkan ada pihak yang menyambut kedatangan mereka. Kebanyakan universiti di Australia dan United Kingdom mempunyai persatuan pelajar Malaysia yang ditubuhkan khas untuk membantu dan memantau segala aktiviti yang melibatkan pelajar Malaysia. Bagi informan yang menghubungi pihak persatuan sebelum berangkat ke luar negara, persatuan pelajar ini akan membantu menguruskan segala penempatan dan keperluan yang berkaitan setelah tibanya di lapangan terbang. Pihak persatuan juga menunjukkan cadangan tempat-tempat makanan Halal yang boleh dikunjungi oleh para informan.

B1 (K2) : “...kami bertuah kerana ada persatuan pelajar yang agak membantu...*Malaysian Student Association Australia*...”

C2 (K3) : “masa tu musim err Muslim sedang berpuasa...then contact kawan dekat sana tu dan dia ajak buka puasa dan sahur sekali...dia tunjuklah kedai makanan Halal semua...”

C4 (K3) : “...masa I sampai tu satu malam tu I tidur kat Malaysia Hall sebab kolej I tak buka lagi...then esoknya baru masuk hostel...”

Tetapi bagi informan yang tidak mempunyai rakan dan kenalan, mereka mengalami sedikit kesukaran dari segi pengurusan rutin harian, dugaan dari segi psikologi dengan persekitaran baru, kesukaran untuk mencari tempat makanan Halal dan kesukaran-kesukaran yang lain.

A2 (K1) : “...in terms of Halal outlet. That's the most troublesome... that's why the first place I asked to local people...”

D2 (K4) : “...I banyak blur kot sebab masa tu baru lepas bersalin... sejuk dengan wheather lagi...”

Berdasarkan hasil temubual kumpulan fokus ini, para informan lebih banyak membuat persediaan kepada pengurusan diri dan keperluan yang akan digunakan sebelum memulakan sesi pengajian. Mereka tidak berkesempatan dan mempunyai masa untuk melawat tempat-tempat yang menarik. Mereka perlu mengutamakan perkara yang penting setelah tiba di sana memandangkan keadaan di luar negara



amat berbeza dengan keadaan di Malaysia. Ini menunjukkan peringkat pertama pada Model Lekuk-U iaitu peringkat bulan madu (*honeymoon stage*) tidak berlaku seperti yang digambarkan oleh Lysgaard (1955).

## **PERINGKAT KEJUTAN BUDAYA**

Hampir sebahagian informan menyatakan bahawa mereka merindui ahli keluarga di tanahair setelah menjejakkan kaki ke luar negara. Keakraban hubungan sesebuah keluarga terutamanya bagi informan yang mempunyai suami/isteri dan anak-anak di Malaysia masih terus terjalin seperti biasa walaupun berjauhan. Ini dipermudahkan dengan kemajuan teknologi masa kini yang membolehkan para informan membuat panggilan secara bersemuka (*face to face*) melalui *Skype* dan panggilan video.

*A2 (K1) : "...homesick la... sebab I bawak anak sahaja. Masa tu I tak bawak bapak dia kan..."*

*C4 (K3) : "... benda yang paling penting carilah mestilah sim card kan sebab sim card tu untuk call Malaysia sebab rindu...nak borak-borak dengan mak dari sana pakai Lebara..."*

*D4 (K4) : "...mula-mula tu homesick sikit lah...memang tulis emel tu air mata mengalir...memang teringat rumah lah...nasib baik kita campur lah dengan kawan, kat kitchen hood, tak masak pun kita datang lah borak-borak, masa tu lupa sikit lah..."*

## **PERINGKAT ADAPTASI**

Tempoh adaptasi antarabudaya para informan dengan persekitaran baru semasa berada di luar negara dilihat mengambil masa beberapa bulan. Para informan menyatakan terdapat pelbagai perkara baru yang perlu dipelajari dan difahami kerana budaya di Australia dan United Kingdom adalah amat berbeza berbanding dengan budaya di Malaysia. Hasil temubual kumpulan fokus terhadap semua informan mendapati sebahagian besar informan mengambil masa dalam tempoh sebulan hingga ke enam bulan untuk beradaptasi di luar negara. Walaubagaimanapun, terdapat seorang informan yang mengambil masa yang agak lama iaitu hampir dua tahun untuk beradaptasi dengan keadaan di luar negara disebabkan kesukaran yang amat ketara untuk menyesuaikan diri dengan cuaca yang sangat sejuk.

Kebanyakan informan menyatakan masyarakat tempatan di luar negara menerima kehadiran mereka di Australia dan United Kingdom tanpa sebarang masalah. Walaupun berbeza dari segi budaya dan agama, masyarakat tempatan dan rakan-rakan antarabangsa yang lain tetap memberikan kerjasama yang baik tanpa ada sifat prejudis dan diskriminasi. Masyarakat tempatan didapati amat memahami para informan yang mengamalkan cara hidup Islam dan menjaga

sensitiviti sesuatu agama.

*A1 (K1): "...dekat universiti the lecturers treated you equally with everybody...then komuniti kat sana pun very closed..."*

*C2 (K3) : "...saya cerita pada housemate saya yang saya ni Muslim...so ada masalah, bukan saya yang ada masalah cuma concern on my food lah...yang Nigerian tu kata dia paham sebab dia pun ada ramai kawan Muslim..."*

*C5 (K3) : "...most diorang educated...diorang ada instinct nak tahu kita ni dari mana...dan diorang sangat memahami...dia sangat jalah apa yang kita concern as a Muslim..."*

## **PERINGKAT PENGUASAAN**

Hampir sebahagian informan menyatakan bahawa mereka lebih bergaul rapat dengan rakyat dan pelajar Malaysia yang lainnya sewaktu berada di luar negara. Ini disebabkan dengan adanya persamaan budaya, bahasa dan agama lebih membuatkan mereka selesa untuk berinteraksi dan mudah untuk mendapatkan sebarang bantuan sesama mereka. Kejauhan dengan ahli keluarga dan sahabat handai di Malaysia turut menjadikan hubungan mereka dalam kelompok minoriti menjadi rapat dan merasakan rakyat Malaysia di luar negara adalah sebahagian dari keluarga mereka sendiri.

*B1 (K2) : "...kawan-kawan memang ramai...ada yang dari Australia, ada yang dari Timur Tengah tapi tak serapat dengan member-member Malaysia..."*

*B3 (K2) : "...kawan Malaysia ni sebab kita tak ada saudara...so diorang ni lah saudara...apa-apa hal sikit, orang sakit ke apa ke diorang lah..."*

Walaubagaimanapun, ada informan yang bergaul rapat dengan pelajar antarabangsa dari negara lain atas sebab-sebab tertentu seperti mahu memperbaiki kefasihan berbahasa Inggeris dan atas sebab mempunyai persamaan latarbelakang dalam bidang akademik.

*A4 (K1) : "...I got a few friends...erm, Australian...Chinese from China...and lepas tu Indian. Because I'm at IT so memang associated with Indian la...dia punya indusri kan?..."*

*A2 (K1) : "...I purposely stay with international students. Because I want to improve my English..."*

*D4 (K4) : "...semua orang luar...Malaysia tak ada...sebab I duduk hostel..."*

Sebahagian besar informan menyatakan masyarakat tempatan di luar negara mempunyai sifat yang peramah, mudah mesra dan menghormati mereka sebagai pelajar antarabangsa. Para informan sering disapa walaupun mereka tidak mengenali antara satu sama lain. Masyarakat tempatan dikatakan juga mempunyai sikap mudah memberikan bantuan sekiranya diperlukan dan amat mengambil berat dengan orang di sekeliling mereka.

*A2 (K1) : "...they respect you well...very well...And they interested to know about Islam. I have been questioned about kalau binatang empat kaki you have to sembelih but why fish you didn't do the same?..."*

*B1 (K2) : "...bila sampai kat sana sebenarnya diorang lebih bagus dari segi macam sambut family, dari segi sama-sama neighbours ataupun masyarakat...walaupun kat sana ramai orang bukan Islam... then, diorang akan tegur kita dulu even 'Good Morning' walaupun tak kenal...budaya diorang sangat menghormati orang lain..."*

*C2 (K3) : "...kalau kita keluar terserempak dengan dengan dia bawak anjing petang-petang macam tu lah tapi dia very friendly... say 'How Are You', 'Good Morning Dear' macam tulah..."*

## **PENGALAMAN SEBAGAI SEORANG MUSLIM DI LUAR NEGARA**

Dari segi menjalani hidup sebagai orang Islam, ajaran Islam amat dapat diamalkan tanpa sebarang masalah. Sebagai seorang Muslim Malaysia yang di luar negara, sebahagian besar informan menyatakan bahawa mereka masih dapat mengamalkan segala tanggungjawab yang dituntut dalam syariat Islam seperti menunaikan Solat, memakai pakaian yang menutup aurat terutamanya pemakaian tudung/hijab bagi wanita dan menjalani rutin seharian tanpa melanggar segala batasan yang telah ditetapkan.

*C4 (K3) : "...kat sana nak sembahyang pun boleh kat mana-mana...diorang sangat respect kat kita...even my supervisor kadang-kadang dia remind kita waktu Solat..."*

*D2 (K4) : "...dia orang semua ok lah tapi ada orang rasa I weird lah...I think sebab I pakai tudung..."*

*A1 (K1) : "...cari Surau tu susahlah... so kena pandai-pandai sendiri lah cari tempat mana-mana...then nak ambil wudhuk tu kan dia takda pasang...kena tengok keliling dulu takut-takut ada orang pandang-pandang serong ker kan?..."*

*A3 (K1) : "...cuma dekat sana jarang pakai telekung untuk Solat la...just macam bawa stokin and then sweather ke kan...basic la... sebab takut nanti diorang takut pulak tengok kita pakai telekung tu..."*

Kebanyakan informan menyatakan kehidupan Muslim Malaysia di Australia dan United Kingdom amat mudah kerana agama Islam itu sendiri adalah agama yang memudahkan. Contohnya, bagi informan wanita mereka hanya memerlukan pakaian yang bersih dan menutup aurat apabila ingin melakukan Solat bagi menggantikan telekung yang selalunya digunakan di Malaysia. Begitu juga dengan informan lelaki yang menyatakan mereka hanya memakai *t-shirt* dan seluar *jeans* sahaja untuk melakukan Solat termasuk sewaktu ke masjid. Hal ini agak berbeza dengan situasi di tanahair yang kebiasaannya golongan lelaki memakai baju melayu, berjubah, memakai kain pelekat dan memakai songkok apabila hendak ke masjid.

*A3 (K1) : "...cuma dekat sana jarang pakai telekung untuk Solat la...just macam bawa stokin and then sweather ke kan...basic la... sebab takut nanti diorang takut pulak tengok kita pakai telekung tu..."*

*C1 (K3) : "...Islam kat sana lebih mudah macam kalau sembahyang Jumaat tu pakai jeans dengan t-shirt je...takda mesti kena pakai kopiah and jubah..."*

Bagi informan yang membawa dan mempunyai anak yang bersekolah di luar negara, mereka berpendapat bahawa guru-guru kepada anak mereka sangat menghormati semua agama termasuk agama Islam dan memberi kebenaran keluar untuk menunaikan Solat Jumaat pada setiap minggu. Di kantin sekolah juga disediakan satu sudut khas makanan *vegetarian* kepada anak-anak informan. Selain itu, budaya di luar negara yang rata-rata masyarakatnya sering bersosial di pub dan kelab didapati langsung tidak mempengaruhi pembawakan diri informan sebagai seorang Muslim Malaysia.

*B1 (K2) : "...kalau ada yang nak bawak anak sekolah keluar sembahyang Jumaat, dia benarkan so tak ada masalah...dari segi menghormati agama lain takda masalah...lepas habis sembahyang Jumaat, hantar balik..."*

*D5 (K4) : "...pub is diorang punya budaya...apa-apa mesti ajak pergi and celebrate anything kat situ...as a Muslim kita kena pandai tolak lah..."*

Dari segi penghayatan tentang agama Islam pula, para informan menyatakan bahawa mereka dapat lebih mendalami ajaran agama Islam dan sering mempelajari ilmu keagamaan untuk meningkatkan pengetahuan mereka. Contohnya, beberapa informan sering mengikuti kelas usrah, kelas tafsir Al-

Quran dan kelas mengaji Al-Quran yang diadakan pada setiap minggu. Anak-anak mereka turut ditekankan tentang pengetahuan agama secukupnya agar tidak lupa akan hukum hakam agama dan tidak terjebak dengan pergaulan yang bebas. Tambahan pula, para informan merasakan mereka perlu memperkukuhkan ilmu tentang agama Islam bagi menjawab segala pertanyaan berkaitan cara hidup Islam daripada rakan-rakan yang bukan beragama Islam. Ini kerana setiap persoalan yang ditanya kadang-kadang nampak mudah untuk dijawab tetapi mereka memerlukan satu kaedah penyampaian yang berkesan untuk memberi kefahaman kepada rakan-rakan bukan beragama Islam.

*A2 (K1) : "...it make me kita terfikir balik cara kita mengamalkan ajaran Islam. Contohnya a friend of mine daripada Venezuela really keen to know about the Hijab. Dia pernah tanya dengan saya how to wear the Hijab. And some more there's are one time friend of mine said, what is the main purpose you have to fasting? Thinking without thinking...it teach me a lot..."*

*B3 (K2) : "...kita ada juga hantar budak-budak pergi kelas agama lah kan...macam pergaulan dia memang bebas sikit lah kat sekolah tu...then, kita orang ambil inisiatif hantar mengaji sebab takut hilang...macam tulah..."*

*C3 (K3) : "...kat sana saya rasa lebih menghayati tentang agama sebab setiap minggu ada usrah, tafsir Al-Quran semua...ada masa kita bawa anak-anak pergi mengaji...tapi kalau kat Malaysia kita takda masa..."*

## **KESIMPULAN**

Melalui hasil analisis data yang telah saya lakukan, sebahagian besar informan mempunyai pengalaman beradaptasi yang berbeza bergantung kepada persediaan yang dilakukan sebelum berangkat ke luar negara dan sokongan yang diterima daripada pelbagai pihak semasa di luar negara. Hampir kesemua informan tidak melalui peringkat bulan madu (*honeymoon stage*) yang mana menurut Model Lekuk-U (Lysgaard, 1955) ianya berlaku di peringkat awal adaptasi. Pada peringkat ini kebiasaannya seseorang individu akan terpesona dengan budaya baru dan persekitaran yang berbeza. Namun peringkat ini tidak terjadi kepada para informan yang rata-rata terus mengalami peringkat krisis atau penolakan terutamanya terhadap cuaca sejuk dan kekangan untuk mendapatkan sumber bekalan makanan halal di luar negara. Hal ini menggambarkan adanya rasa kecewa dan kejutan dengan persekitaran baru tersebut. Responden turut berkongsi pengalaman mereka adaptasi sebagai seorang Muslim di sebuah budaya yang sangat berbeza. Mereka menganggapnya sebagai satu pengalaman yang menarik. Mereka dapat mengadaptasi sebagai seorang Muslim di luar

negara tanpa masalah. Masyarakat disana kian memahami tentang Islam dan ini banyak membantu mereka untuk menjalankan akitiviti membabitkan agama.

## **PENGHARGAAN**

Projek ini telah dibiayai oleh Kementerian Pendidikan Malaysia dibawah Fundamental Research Grant Scheme menggunakan kod FRGS/1/2011/SS/UKM/03/5

## **BIODATA**

*Abdul Latiff Ahmad* dan *Emma Mirza Wati Mohamad* adalah pensyarah kanan di Pusat Pengajian Media dan Komunikasi, Universiti Kebangsaan Malaysia.

*Mohd Nazri Mohd Noh* adalah pelajar sarjana pengurusan komunikasi di Pusat Pengajian Media dan Komunikasi, Universiti Kebangsaan Malaysia.

*Ali Salman* merupakan Profesor Madya di Pusat Pengajian Media dan Komunikasi, Universiti Kebangsaan Malaysia.

*Rusyda Helma* adalah pensyarah di Pusat Psikologi dan Pebangunan Manusia, Universiti Kebangsaan Malaysia.

*Latiffah Pawanteh* adalah Dekan Fakulti Sastera dan Kemanusiaan di International University of Malaya-Wales.

## **RUJUKAN**

- Blake A. C. 2006. The experiences and adjustment problems of Africans at a historically black institution. *College Student Journal*.
- Buku Perangkaan Kementerian Pendidikan Malaysia (Sektor Pengajian Tinggi) Tahun 2013 , Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM)
- Constantine, M. G., Okazaki, K. & Utsey, S. O. 2004. Self-concealment, social efficacy, acculturative stress and depression in African, Asian and Latin America international college students. *American Journal of Orthopsychiatry*, 74 (3), 230-241.
- Gabel, R. S., Dolan, S. L. and Cerdin, J. L. 2005. Emotional Intelligence as predictor of cultural adjustments for success in global assignments. *Career Development International*, 10 (5), 375-395.
- Gresham, R. 2003. Interaction between international students and local communities: Can we make it happen, and if so, what are the outcomes for the students, communities and university? *Journal of the Australia and New Zealand Student Services Association*, (21), 20-34.
- Horwedel, D. M. 2006. Opening eyes and minds. *Diverse: issues in higher education*, 23: 14-9.
- Kagan, H. & Cohen, J. 1990. Cultural adjustment of international students. *Psychological Science*, 1(2), 133-137.
- Kim, Young Yun. 2001. *Becoming Intercultural: An Integrative Theory of Communication and Cross-Cultural Adaptation*. Thousand Oaks, CA: Sage.
- Lysgaard, S. 1955. Adjustment in a foreign society: Norwegian Fulbright grantees visiting the United States. *International Social Science Bulletin*, 7 (1): 45-51.
- McDermott-Levy, R. 2011. Going alone : The lived experience of female Arab-Muslim nursing students living and studying in the United States. *Nursing Outlook*, 59 (5), 266-277.
- Sakurai, T., McCall-Wolf, F., & Kashima, E. S. 2010. Building intercultural links: The impact of a multicultural intervention programme on social ties of international students in Australia. *International Journal of Intercultural Relations*, 34, 176-185.

